

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI  
MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

Tuan Haji Mohd Fasih bin Haji Mohd Fakeh minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah kemajuan terkini projek Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2) dan sejauh manakah Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan kerjasama bagi menjayakan projek Langat 2 ini.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kemajuan keseluruhan pelaksanaan Projek Loji Rawatan Air Langat 2 dan Sistem Agihan (Projek LRAL2) hingga 30 April 2015 hanya berada di tahap 14.89% berbanding sasaran 21.24% iaitu lewat sebanyak 6.35%. Bagi kemajuan kerja-kerja fizikal pula, pencapaian setakat ini hanyalah 2.86% berbanding sasaran 9.60% iaitu lewat sebanyak 6.74%.
2. Kelewatan pelaksanaan Projek LRAL2 ini dijangka terus berlaku dan sukar untuk disiapkan pada 30 April 2017 seperti yang dijadualkan memandangkan Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan pihak-pihak berkuasa tempatan berkaitan menangguhkan kesemua permohonan kelulusan Kebenaran Merancang, Pelan Infrastruktur dan Pelan Bangunan dan permit pemasangan paip. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor juga telah menangguhkan penwartaan baki sebanyak 23 lot pengambilan tanah yang dimohon oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang Dipertua,

3. Projek LRAL2 ini akan melibatkan 18 pakej kerja. Pada masa ini, hanya 3 pakej kerja yang telah dianugerahkan (*award*). Walau bagaimanapun, kerja- kerja untuk 3 pakej ini tidak dapat dijalankan dengan lancar kerana masih belum mendapat kelulusan dan permit yang diperlukan daripada pihak berkuasa tempatan berkaitan. Sementara itu, penganugerahan untuk 8 pakej kerja yang telah ditender dan dijadual untuk dianugerahkan secara berperingkat pada bulan Mac dan April 2015 oleh pihak Pengurusan Aset Air Berhad terpaksa ditangguhkan sehingga semua kelulusan diperolehi daripada pihak-pihak berkuasa berkaitan. Ini adalah untuk mengelakkan kemungkinan tuntutan kos dan lanjutan masa oleh pihak kontraktor.

4. Berdasarkan perkembangan ini, perancangan Kerajaan Persekutuan untuk menyalurkan air bersih dari Projek LRAL 2 kepada pengguna seawal 2017 berkemungkinan besar tidak akan menjadi kenyataan. Projek LRAL2 dijangka hanya dapat disiapkan sepenuhnya pada awal 2019 sekiranya Kerajaan Negeri Selangor bersetuju untuk membenarkan pihak-pihak berkuasa negeri mengeluarkan semua kelulusan dan permit pada Mei 2015.

\*\*\*\*\*